

# Elemen *Al-Hirz* dan Kedudukannya dalam Jenayah Siber Masa Kini

Khairul Azhar Meerangani<sup>1\*</sup>, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi<sup>2</sup>,  
Ahmad Faqih Ibrahim<sup>3</sup>, Muhammad Hilmi Mat Johar<sup>4</sup>

<sup>1,3,4</sup>Fakulti Keilmuan Islam  
Kolej Universiti Islam Melaka,  
78200 Melaka, Malaysia  
<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Pengarang penghubung  
khairulazhar@kuim.edu.my

## ABSTRAK

*Kecanggihan teknologi masa kini menyaksikan peningkatan permintaan perkhidmatan atas talian membabitkan pelbagai urusan. Meskipun hal ini membawa impak yang positif, namun kecanggihan ini sebenarnya berpotensi disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan jenayah. Jenayah siber merupakan bentuk jenayah moden yang semakin meningkat seiring dengan kecanggihan teknologi komunikasi dan maklumat. Jenayah kecurian harta benda antaranya membabitkan aktiviti seperti penggodaman (hacking), penipuan siber (scamming), pencerobohan maklumat dan data (phishing), pemalsuan kad kredit dan kad akaun bank serta pemindahan wang secara haram merupakan jenayah siber yang semakin berleluasa pada masa kini. Dalam pensabitan hukuman bagi jenayah ini menurut perspektif Islam, elemen al-hirz atau tempat simpanan harta merupakan antara perkara utama yang akan diberikan perhatian. Persoalannya, bagaimanakah penilaian Islam terhadap bentuk al-hirz dalam konteks semasa yang telah mengalami perubahan daripada format fizikal kepada format digital. Maka, kajian ini bertujuan menilai kedudukan elemen al-hirz dalam jenayah siber masa kini terutamanya membabitkan aspek pensabitan hukuman bagi jenayah mencuri. Elemen al-hirz dalam format digital*

*yang wujud dalam transaksi atas talian (on-line) masa kini membolehkan pelakunya disabitkan dengan hukuman bagi jenayah mencuri menurut Islam sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan oleh para sarjana Muslim.*

**Kata Kunci:** *Teknologi, Jenayah Siber, Kecurian Harta, al-Hirz, Transaksi atas Talian*

## **The Position of *Al-Hirz* in the Present Cybercrime**

### **ABSTRACT**

*Today's technological sophistication is witnessing an increase in demand for online services involving various affairs. Although this brings a positive impact, however, this sophistication is potentially misused for criminal purposes. Cybercrime is a form of modern crime that is growing in tandem with the sophistication of communication and information technology. Property thefts such as hacking, scamming, phishing, fraudulent credit card, and illegal money transfers are currently widespread in cybercrime. In the conviction of penalties for this crime according to Islamic perspective, al-hirz elements are among the main points to be addressed. The question is how the Islamic assessment of the new form of al-hirz has changed from physical format to digital format. Hence, this study aims to evaluate the position of al-hirz elements in cybercrime nowadays, especially involving the conviction of penalties for stealing. The al-hirz element in the digital format inherent in today's online transactions enabled the perpetrator to be punished for the crime of steal according to Islam if it fulfilled the requirements set by the Muslim scholars.*

**Keywords:** *Technology, Cybercrime, Property Theft, al-Hirz, Online Transaction*

## **PENGENALAN**

Ledakan kemajuan teknologi dan maklumat pada masa kini telah mewujudkan pelbagai kemudahan dalam kehidupan masyarakat di mana banyak perkara mampu diuruskan secara dalam talian (*online*) dengan pantas (Rusli Abdullah, Noraini Che' Pa & Noorsalwati Nordin, 2003). Namun sudah menjadi suatu kemestian di mana tidak semua pengguna akan memanfaatkan kemajuan hasil dari perkembangan teknologi dan maklumat ini dengan baik. Wujud segelintir daripada kalangan pengguna yang menjadikan medium siber sebagai platform bagi melakukan jenayah dan mengaut keuntungan secara mudah dengan menyalahgunakan kemahiran mahupun ruang kemudahan yang diberikan. Keseriusan jenayah siber yang bersifat komersil sehingga melibatkan kerugian wang dan harta benda telah menyebabkan beberapa akta digubal di Malaysia bertujuan membendung perlakuan jenayah tersebut (Maskun, 2014). Antara jenayah siber kehartaan yang terus mencatatkan peningkatan saban tahun adalah jenayah siber penipuan. Statistik jenayah siber yang dikeluarkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia menunjukkan bahawa kes penipuan dalam talian adalah jenayah siber tertinggi dilaporkan dalam tempoh lima tahun, iaitu dengan jumlah sebanyak 3,921 kes diterima tahun sebelumnya berbanding 3,257 kes pada 2015 (Rabi'atul, 2017). Peningkatan jenayah siber yang membimbangkan telah menyebabkan pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran dan menggalakkan penggunaan internet dan komputer secara positif dan beretika (Ahmad Suhael, 2017).

Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) merupakan sebuah organisasi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang ditubuhkan pada tahun 1997 dan bertindak sebagai pusat rujukan di Malaysia bagi kes-kes keselamatan komputer. Kini pihak MyCERT mengendalikan pusat bantuan pengendalian dan respon insiden komputer Cyber999 serta Pusat Penyelidikan Malware CyberSecurity Malaysia. MyCERT bekerjasama rapat dengan badan-badan penguatkuasaan undang-undang seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) di samping turut berkerjasama dengan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) Pasukan Respons Kejadian Keselamatan Komputer (CERT) serta pelbagai Inisiatif Keselamatan Komputer di seluruh dunia (MyCERT, 2013). Pihak MyCERT telah mengeluarkan statistik bagi laporan insiden siber yang berlaku di

Malaysia sejak tahun 1998 lagi dan membahagikan insiden siber yang sering berlaku di medium siber kepada sembilan kategori iaitu berkaitan kandungan (*content related*), gangguan siber (*cyber harassment*), penafian perkhidmatan (*denial of service*), penipuan (*fraud*), pencerobohan (*intrusion*), percubaan pencerobohan (*intrusion attempt*), kod jahat (*malicious codes*) dan laporan kerentanan (*vulnerabilities report*) (MyCERT, 2013). Laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa jenayah siber bukan lagi dipandang remeh dan sekadar salah laku biasa, tetapi jenayah tersebut kini telah sampai kepada tahap perlakuan jenayah yang serius.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan data-data yang diperoleh menerusi kajian kepustakaan. Metode dokumentasi dilakukan bagi mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, jurnal, artikel, prosiding seminar dan laporan. Kajian kepustakaan ini penting kerana melalui kaedah ini para penyelidik mendapat gambaran yang jelas mengenai prinsip, konsep, kaedah, pengolahan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian yang dijalankan (Roth, 2006). Dalam kajian ini, metode ini digunakan untuk menghimpun segala informasi ataupun maklumat daripada penulisan para sarjana klasik dan kontemporari berkaitan konsep *al-hirz* bagi membina landasan teori yang bersesuaian berdasarkan realiti semasa di Malaysia. Pendekatan ini juga diaplikasi dalam mengenal pasti kedudukan *al-hirz* dalam jenayah siber masa kini. Data seterusnya dianalisis secara induktif menerusi pemerhatian terperinci dalam situasi yang umum dan kemudiannya bergerak ke arah menggubal pandangan dan teori yang lebih khusus (Neuman, 2006). Pendekatan ini digunakan untuk menggambarkan permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji. Seterusnya dapatan kajian digunakan untuk menuju ke arah pembentukan teori atau model yang bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji.

## **JENAYAH MENCURI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Sebelum konsep jenayah mencuri diperhalusi, adalah wajar untuk dikenalpasti terlebih dahulu latar belakang jenayah itu sendiri dalam

kerangka yang lebih umum menurut prinsip perundangan Islam. Hal ini bagi mendapatkan gambaran yang lebih besar berkaitan setiap aspek dan elemen yang sangat berkait rapat dengan jenayah itu sendiri. *Jinayah* (جنائية) berasal daripada kata ja-na-ya (جنى) yang bermaksud melakukan dosa (Majma' al-Lughah, 1990). Dari sudut terminology, *jinayah* bermaksud suatu bentuk perbuatan melakukan, meninggalkan atau sebagai penyebab yang dapat mendatangkan kemudaratan kepada manusia atau selainnya yang menyebabkan pelaku jenayah dikenakan hukuman duniawi (Abu Zuhrah, 1998). Menurut fuqaha pula, jenayah ialah perbuatan atau perilaku jahat yang dilakukan oleh seseorang untuk mencero bohi atau mencabul kehormatan jiwa atau tubuh badan seseorang yang lain dengan sengaja (al-Zuhayli, 1985). Meskipun setiap jenayah muncul dalam format dan peruntukan hukuman yang berbeza antara satu sama lain, namun tujuan utama setiap pelaksanaan hukuman adalah sama iaitu bertujuan menjaga agama, jiwa, akal, keturunan, kehormatan dan harta setiap manusia supaya ia tidak sewenang-wenangnya dicabuli, dizalimi dan dirampas di samping menonjolkan lagi elemen keindahan syariat Islam.

Jenayah mencuri merupakan antara jenayah yang diperuntukkan dengan hukuman hudud. Mencuri ditakrifkan sebagai perbuatan mengambil harta orang lain yang dijaga rapi secara senyap dan sembunyi dengan niat untuk memilikinya (al-Kasani, 2003). Berdasarkan takrifan ini, terdapat empat unsur yang membentuk jenayah mencuri iaitu (i) mengambil harta orang lain atau yang bukan milik sendiri, (ii) harta yang diambil dijaga rapi (iii) harta tersebut diambil secara senyap dan sembunyi dan (iv) perbuatan mengambil harta dengan niat untuk memiliki. Sekiranya tiada salah satu daripada empat unsur yang dinyatakan, maka pensabitan jenayah tersebut akan beralih dari hukuman hudud kepada hukuman takzir. Keadaan ini bermaksud sekiranya harta itu bukan milik orang lain sepenuhnya, atau harta tersebut berada di kawasan terbuka tanpa sebarang kawalan dan pengawasan, atau diambil secara pinjaman dan bukannya bertujuan pemilikan maka syarat bagi jenayah mencuri tidak dipenuhi dan hukuman hudud tidak boleh dilaksanakan sebaliknya akan digantikan dengan hukuman takzir. Frasa secara sembunyi di sini menunjukkan kelakuan merampas dan pecah amanah tidak termasuk di dalam istilah ini. Hal ini kerana merampas dilakukan secara terang-terangan bukan secara sulit atau secara sembunyi manakala pemecah amanah pula sememangnya mempunyai akses terhadap harta tersebut. Oleh yang demikian, pelaku bagi kedua-dua

jenayah ini tidak harus disabitkan dan dikenakan hukuman had mencuri (Paizah Ismail, 2008).

Ibn Qudamah (1997) menyatakan bahawa fuqaha telah bersepakat dalam menetapkan hukuman potong tangan ke atas pencuri yang telah disabitkan dengan jenayah tersebut. Selain hukuman hudud, Islam turut menggariskan hukuman takzir bagi jenayah mencuri khususnya bagi kesalahan mencuri yang tidak memenuhi syarat-syarat pensabitan hukuman hudud selaras dengan kaedah “hukuman hudud digugurkan kerana wujudnya syubhah”. Takzir merupakan suatu hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak sebaliknya ditentukan oleh hakim Muslim yang adil dengan hukuman yang dirasakan mampu mencegah seseorang individu daripada melakukan sesuatu perbuatan yang keji. Hukuman ini boleh dikenakan dalam pelbagai bentuk yang dirasakan bersesuaian seperti sebatan, buang negeri, penjara, denda serta kecaman. Hal ini kerana perbuatan-perbuatan seperti ini merupakan perbuatan maksiat yang tidak termasuk dalam kesalahan hudud dan tidak akan dikenakan kaffarah. Maka, apabila hukuman hudud tidak dikenakan, kesalahan ini perlu dikenakan hukuman takzir sebagai gantinya (Mustafa al-Khin et.al, 1992). Penetapan hukuman takzir ini boleh ditentukan oleh pihak pemerintah dengan mengambil kira kesan jenayah yang dilakukan serta latar belakang penjenayah itu sendiri. Dalam menentukan kesan jenayah ini, al-Atrusyani (t.th) menyatakan bahawa para hakim perlu melihat sebab pelaksanaan hukuman takzir tersebut. Jika hukuman bagi kesalahan jenayah tersebut daripada jenis hudud yang digugurkan atas halangan tertentu, maka hukuman takzir perlu ditetapkan pada tahap yang tertinggi. Namun sebaliknya jika kesalahan itu bukan daripada jenis hudud, maka hukuman yang ditetapkan tidaklah perlu kepada tahap maksimum. Oleh yang demikian, memadai dengan pertimbangan yang dirasakan wajar oleh pihak pemerintah.

## **ELEMEN *AL-HIRZ* DALAM JENAYAH MENCURI**

Elemen lokasi simpanan harta (*al-hirz*) memainkan peranan penting dalam menentukan penetapan hukuman had bagi perbuatan mencero boh harta tersebut. Pelbagai aspek perlu diambil kira sebelum menentukan harta tersebut benar-benar berada dalam kawalan yang sempurna ataupun terdedah kepada sebarang pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Dalam

menentukan prinsip *al-hirz* ini, para fuqaha telah menilai syarat-syarat yang perlu diambil kira bagi memastikan pencerobohan terhadap harta tersebut melayakkan hukuman had dilaksanakan ke atas pelakunya. *Al-Hirz* menurut bahasa bermaksud tempat simpanan yang kukuh (al-Fayruzabadi, 2005). Para fuqaha berbeza pandangan dalam menentukan definisinya menurut syarak. Fuqaha Hanafiyyah menyatakan *al-hirz* adalah segala sesuatu yang boleh menjaga harta berupa tempat seperti khemah, gudang mahupun pemiliknya sendiri yang mana secara adatnya dilihat tidak memungkinkan sebarang pencerobohan (Ibn al-Hummam, 2003). Fuqaha Malikiyyah pula menetapkan *al-hirz* sebagai segala sesuatu yang dianggap oleh pemilik harta selamat untuk disimpan hartanya secara adat (Muhammad Arafah, 1985). *Al-Hirz* menurut fuqaha Syafi'iyah pula merujuk kepada sesuatu yang tidak ditentukan oleh syarak mahupun bahasa namun penilaiannya berdasarkan adat setempat di mana memungkinkan wujudnya perbezaan berdasarkan faktor masa, suasana dan tempat (al-Syarbini, 1997). Hal ini juga disokong oleh fuqaha Hanabilah yang mendefinisikan *al-hirz* sebagai segala sesuatu yang dianggap oleh pemilik harta secara urufnya mampu memelihara hartanya daripada sebarang bentuk pencerobohan (Ibn Qudamah, 1997). Berdasarkan takrifan yang dinyatakan, jelas dapat dilihat meskipun definisi yang dinyatakan oleh para fuqaha dilihat sedikit berbeza secara teknikal, namun menjurus ke arah konsep yang sama iaitu peranan uruf dalam menentukan kedudukan sesuatu tempat simpanan itu sama ada diiktiraf oleh syarak sebagai pelindung harta atau tidak. Maka dapat disimpulkan *al-hirz* merupakan sesuatu yang mampu menjaga dan melindungi sesuatu pemilikan harta sama ada berbentuk fizikal atau maknawi serta memiliki nilai komersil. Ibn Qudamah (1997) menetapkan bahawa kesalahan mencuri akan disabitkan atas tindakan pencerobohan dan pengalihan harta daripada tempat simpanannya yang diiktiraf oleh syarak bagi membolehkan pelaksanaan hukuman had ke atas pelakunya.

Penjagaan *al-hirz* ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu tempat penjagaan khas seperti peti besi untuk menyimpan perhiasan dan wang, kandang untuk menjaga binatang atau stor untuk menyimpan barang-barang. Bentuk kedua merujuk kepada lokasi yang bukan berfungsi sebagai tempat penyimpanan khusus tetapi ia termasuk barang yang dijaga dan diawasi oleh mana-mana individu contohnya seseorang duduk atau tidur di dalam masjid dan meletakkan beg di sisinya. Ini juga termasuk dalam konsep penjagaan. Tempat simpanan yang sesuai bermaksud pada kebiasaannya harta tersebut

disimpan di tempat tertentu atau seumpama dengannya (al-Kasani, 2003 & al-Ansari, 2015) seperti wang yang kebiasaannya di simpan di dalam peti atau pakaian yang kebiasaannya pula disimpan di dalam almari. Ukuran ini merujuk kepada kebiasaan setempat (*uruf*) dan pendapat orang yang berkemahiran. Sekiranya harta dicuri dari tempat yang biasanya tidak digunakan untuk menyimpan harta tersebut ataupun diletakkan secara terbuka, hukuman potong tangan tidak boleh dijalankan ke atas pencuri berkenaan. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Rafi' bin Khudaij RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لا قطع في ثمر ولا كثر

Maksudnya: Tidak dikenakan hukuman potong tangan kerana mencuri buah-buahan ataupun pelepah.

(Hadis riwayat al-Tirmidhi)

Maka, berdasarkan penetapan tersebut, jumhur fuqaha berpandangan bahawa tidak akan dipotong tangan pencuri yang mencuri harta yang tidak dijaga atau dikawal. Selain itu, kerosakan pada bangunan penyimpanan barang, kebenaran untuk memasuki tempat simpanan serta lokasi harta yang berada di tempat terbuka turut boleh menghilangkan sifat penjagaan dan kawalan pada harta tersebut, yang mana jika dipersetujui oleh hakim, maka pencuri tersebut tidak akan dipotong tangannya namun mereka hanya akan dikenakan hukuman takzir (Abd al-Qadir, t.th). Fuqaha bersepakat dalam menentukan pencerobohan *al-hirz* ini sebagai prasyarat pelaksanaan hukuman hudud bagi kesalahan mencuri (Ibn Qudamah, 1997) sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW:

لا قطع في ثمر معلق ولا في حريسة جبل فإذا آواه المراح أو الجرين فالقطع فيما يبلغ ثمن المجن

Maksudnya: Tidak ada had potong (tangan) bagi buah tamar yang tergantung serta kambing-kambing yang dipelihara di bukit. Sekiranya diambil daripada rebannya atau tempat pengeringannya maka dijatuhkan hukuman had potong apabila nilainya sampai kepada harga perisai.

(Hadis riwayat Malik)

Berdasarkan hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa elemen tempat simpanan sememangnya memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan pesalah mencuri sama ada dijatuhkan hukuman hudud atau tidak. Hal ini kerana antara unsur utama dalam pensabitan jenayah mencuri adalah pencerobohan dan pengambilan sesuatu harta secara tersembunyi daripada tempat simpanannya yang kukuh berdasarkan penilaian adat setempat dengan maksud yang jahat (al-Kasani, 2003). Maka, setiap pesalah yang menepati syarat-syarat tersebut melayakkan mereka dijatuhkan hukuman hudud. Secara umumnya, para fuqaha membahagikan tempat simpanan harta ini kepada dua bentuk iaitu tempat simpanan itu sendiri (*al-hirz bi nafsihi*) serta tempat simpanan yang memerlukan pengawal (*al-hirz bi al-hafiz*). Penetapan ini dilakukan dengan mengambil kira kemampuan tempat simpanan harta itu dalam melindungi sesuatu harta. Bagi kawalan jenis pertama ini, ia merujuk kepada segala tempat yang diiktiraf sebagai lokasi penyimpanan harta serta dilarang sebarang akses ke dalamnya tanpa sebarang kebenaran seperti gudang, peti simpanan khas dan bilik kebal (al-Kasani, 2003). Maka, pencerobohan ke atas kawasan-kawasan seperti ini bakal melayakkan pelakunya dijatuhkan hukuman meskipun tanpa kewujudan sebarang penjaga kerana lokasi simpanan itu sendiri sudah cukup kukuh untuk melarang sebarang bentuk pencerobohan (al-Kasani, 2003). Walau bagaimanapun, lokasi itu terlebih dahulu perlu dipastikan memenuhi tahap dan piawaian keselamatan yang selayaknya sehingga tidak memungkinkan berlaku sebarang bentuk pencerobohan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya fizikal lokasi tersebut ternyata rapuh dan lemah, maka kedudukannya sebagai tempat simpanan harta akan gugur di mana pelakunya hanya akan dijatuhkan hukuman takzir.

Jenis yang kedua pula merujuk kepada semua jenis tempat yang tidak dilarang serta tidak memerlukan kebenaran bagi sebarang akses ke dalamnya seperti masjid, hospital dan pasar (Ibn al-Hummam, 2003). Bagi tempat simpanan berbentuk ini, kekuatan tempat simpanan tersebut bergantung kepada jenis pengawal yang disediakan. Sekiranya tiada pengawal yang disediakan untuk menjaga tempat simpanan tersebut, maka penceroboh tidak akan dijatuhkan hukuman hudud sebaliknya beralih kepada hukuman takzir disebabkan tahap pengawasan dan perlindungan yang lemah. Begitu juga sekiranya kedudukan pengawal yang tidak memenuhi kriteria keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berautoriti sama ada dalam aspek bilangan pengawal serta tahap kecekapan dan kredibiliti setiap pengawal, maka

tempat simpanan tersebut juga akan dikategorikan sebagai tempat simpanan yang lemah. Dalam menentukan kedudukan tahap keselamatan sesuatu harta daripada sebarang pencerobohan, para fuqaha telah menggariskan beberapa prinsip sebagai panduan dalam menentukan jenis hukuman yang akan dijatuhkan. Tunjang utama kepada prinsip ini adalah elemen *uruf* yang memerlukan kepakaran dan penilaian pihak tertentu di sesebuah tempat bagi memastikan prinsip yang ditetapkan selaras dan memenuhi kehendak syarak terutamanya berkaitan penjagaan harta.

Kelemahan dan kekuatan sesebuah tempat simpanan sangat berkait rapat dengan beberapa elemen dalam menentukan kedudukan sesuatu harta sama ada diklasifikasikan sebagai harta yang dijaga rapi atau tidak. Dalam menentukan tahap kekuatan dan kelemahan sesuatu tempat simpanan, al-Mawardi (1994) telah menetapkan lima aspek yang perlu diberikan penilaian yang sewajarnya iaitu jenis dan nilai harta, struktur negara, suasana semasa, latar belakang hakim dan masa. Elemen jenis dan nilai harta ini sangat penting dalam memastikan kedudukan penjagaan harta tersebut. Harta yang mempunyai nilai tinggi menurut adat setempat menjustifikasikan penjagaan yang rapi dan kukuh manakala harta yang kebiasaannya tidak dipandang bernilai oleh masyarakat tidak menjustifikasikan penjagaan yang rapi. Dalam alam siber, sebarang transaksi kewangan serta pemindahan maklumat dan data secara elektronik mempunyai nilai komersial dan memiliki nilai yang sangat tinggi dan berharga di dalam masyarakat. Hal ini berbeza dengan perkongsian berita dan maklumat am yang boleh diakses secara bebas oleh orang awam yang secara umumnya tidak dipandang tinggi sebagai harta. Struktur negara pula menyaksikan negara yang mempunyai sempadan yang besar serta memiliki populasi penduduk yang ramai menjustifikasikan penjagaan yang rapi manakala negara yang mempunyai sempadan yang terhad dan bilangan penduduk yang kecil serta kurang bercampur antara satu sama lain pula menjustifikasikan penjagaan yang lemah. Dalam dunia siber, akses yang tinggi terhadap sesuatu rangkaian memerlukan tahap keselamatan yang tinggi terutamanya membabitkan urusan harta berbeza dengan rangkaian yang jarang diakses disebabkan kurangnya keperluan terhadap rangkaian tersebut. Maka tahap pemantauan terhadap rangkaian tersebut juga tidak sekuat rangkaian yang mempunyai capaian akses yang tinggi.

Seterusnya, elemen suasana semasa pula memperlihatkan keadaan yang aman dan tenteram menjustifikasikan penjagaan yang lemah kerana kurangnya perhatian terhadap harta yang dimiliki. Hal ini berbeza dengan keadaan semasa perang dan ancaman ketakutan yang menjustifikasikan penjagaan yang kuat sebagai reaksi balas daripada situasi bahaya yang dihadapi. Sebagai contoh, sekiranya berlaku sebarang bentuk serangan dan ancaman di alam siber, tahap keselamatan yang tinggi perlu diberikan terhadap semua bentuk harta yang dimiliki berbanding keadaan yang tenang tanpa sebarang gangguan dan ancaman. Bagi elemen latar belakang hakim, hakim yang adil serta tegas terhadap pelaku kesalahan akan menjustifikasikan penjagaan yang lemah kerana kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap tahap integriti serta kewibawaan hakim tersebut. Hal ini berbeza dengan hakim yang zalim serta bersikap sambil lewa terhadap para pesalah yang menjustifikasikan tahap penjagaan yang kuat dalam memastikan keselamatan harta yang dimiliki. Kewujudan undang-undang yang tegas serta penguatkuasa jenayah siber yang berautoriti memberikan tahap keselamatan yang tinggi terhadap tempat simpanan harta di alam siber.

Faktor masa pula menyaksikan waktu malam memerlukan tahap penjagaan yang rapi kerana waktu tersebut secara kebiasaannya penjenayah akan keluar melakukan kejahatan. Hal ini berbeza dengan waktu siang dengan kewujudan golongan yang baik dalam mengimbangi golongan yang jahat tersebut sehingga menjustifikasikan tahap penjagaan yang lemah kerana pantauan secara tidak langsung daripada golongan yang baik terhadap harta yang dimiliki sesama mereka. Maka, berdasarkan prinsip yang dinyatakan, adalah jelas bahawa faktor *uruf* semasa sangat memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kekuatan dan kelemahan sesebuah tempat simpanan harta tersebut. Hal ini penting dalam menentukan tahap pencerobohan semasa proses pendakwaan serta dalam memastikan sama ada sabitan hukuman hudud perlu dijalankan atau hukuman takzir disebabkan wujudnya faktor-faktor yang meragukan kekuatan hujah pendakwaan tersebut.

## **JENAYAH SIBER DI MALAYSIA**

Jenayah siber merupakan suatu bentuk jenayah era moden yang semakin berleluasa berpunca daripada penyalahgunaan kepakaran dan kemahiran

dalam bidang teknologi internet. Jenayah ini disebabkan modus operandi jenayah siber yang dilihat lebih mudah dan pantas tanpa membabitkan unsur fizikal dalam urusan pemindahan dan penyelewengan sesuatu harta. Secara asasnya, jenayah siber merupakan satu bentuk perlakuan jenayah yang menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan atas talian menggunakan jaringan internet. Jenayah ini boleh dilakukan oleh individu perseorangan ataupun berkumpulan dan mampu menjangkau batasan sesebuah negara ke negara yang lain dalam tempoh masa yang singkat (Anita & Nazura, 2004). Jenayah siber juga boleh menyebabkan berlakunya kehilangan atau kerosakan kepada peralatan, data dan maklumat yang melibatkan sesebuah perisian mahupun pemprosesan komputer sama ada serangan virus, pencerobohan (*unauthorized access and use*) serta kecurian maklumat terhadap sesebuah komputer atau peranti elektronik yang dijadikan sasaran (Rusli et.al, 2003). Jenayah siber yang berlaku pada masa kini telah mengakibatkan pelbagai impak negatif seperti melibatkan kerugian wang ringgit, ancaman terhadap nyawa dan keselamatan serta mengaibkan maruah dan reputasi seseorang individu atau sesebuah organisasi. Malahan, jenayah ini juga boleh mendatangkan ancaman terhadap sesebuah negara kerana lapangannya yang lebih luas berbanding jenayah konvensional (Mursilalaili, 2003). Jenayah siber melibatkan penggunaan peranti elektronik sebagai medium melakukan jenayah-jenayah seperti penipuan, kecurian, peras ugut, pemalsuan dan penyelewengan yang kebiasaannya melibatkan penggunaan internet (Paul, 2007).

Secara umumnya, terdapat lima bentuk jenayah siber kehartaan yang utama berdasarkan laporan yang telah dikemukakan kepada pihak berkuasa iaitu penggodaman (*hacking*), penipuan siber (*scamming*), pencerobohan maklumat dan data (*phishing*), pemalsuan kad kredit dan kad akaun bank serta pemindahan wang secara haram. Jenayah penggodaman merupakan antara jenayah yang sering berlaku di alam siber masa kini. Jenayah ini mampu melumpuhkan pelbagai sistem-sistem utama dan penting yang melibatkan pangkalan data maklumat elektronik serta kawalan sistem keselamatan di dalam sesebuah negara dan dilihat sebagai sebuah ancaman besar yang sangat dipandang serius di peringkat antarabangsa. Sesuatu perbuatan itu boleh ditakrifkan sebagai penggodaman (*hacking*) apabila penjenayah siber mendapatkan akses ke dalam sesebuah sistem secara tidak sah atau dengan memecah masuk akses keselamatan yang ada (Rahul, 2016). Sekiranya tidak wujud sekatan keselamatan yang disediakan pada

sesebuah laman web maka aktiviti pencerobohan dan penggodaman tidak dianggap berlaku. Penggodaman ini pada kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mencuri data atau maklumat sulit tanpa pengetahuan atau mendapat kebenaran daripada pemilik sistem komputer tersebut (Atul Jain, 2005).

Penipuan siber pula merupakan jenayah yang paling mudah dilakukan kerana jenayah berbentuk ini tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dalam komputer sama ada melibatkan pengaturcaraan (*programming*), memecah masuk atau menceroboh sistem keselamatan sesebuah komputer mahupun peranti elektronik. Sebaliknya, jenayah penipuan siber ini boleh dilakukan hanya dengan mempunyai kemahiran asas terhadap komputer mahupun peranti elektronik serta internet di samping keadaan penipuan yang sangat licik dalam memerangkap serta memperdayakan mangsa dengan iklan-iklan yang dimuatnaik. Pada tahun 2016 sahaja, 3,921 kes penipuan dalam talian telah dilaporkan dan antaranya membabitkan jenayah skim penipuan dan pembelian barangan secara dalam talian yang mencatatkan peningkatan kira-kira 20.4% berbanding pada tahun sebelumnya (Ahmad Suhael, 2017). Antara tapak atau laman yang sering dijadikan sasaran oleh penjenayah penipuan siber ini adalah menerusi laman media sosial seperti Facebook, Lazada, Zalora, Instagram mahupun laman-laman iklan perniagaan dalam talian seperti lelong.my, mudah.my serta pelbagai lagi medium penjualan barangan secara dalam talian (Connie, 2015). Nilai kerugian yang dialami oleh mangsa penipuan ini juga bukan hanya melibatkan puluhan ringgit sebaliknya telah mencecah jutaan ringgit justeru merupakan ancaman keselamatan yang besar dan tidak seharusnya dipandang remeh. Tindakan penipuan siber ini sangat mudah dan berlaku dalam pelbagai cara dan bentuk seperti dalam bentuk jual beli atau perniagaan mahupun perkhidmatan yang ditawarkan.

*Phishing* adalah satu cubaan bersifat jenayah yang melibatkan penipuan bagi mendapatkan maklumat-maklumat sensitif di dalam perhubungan elektronik secara dalam talian seperti nama pengguna, kata laluan dan butiran kad kredit dengan menyamar sebagai sebuah entiti yang boleh dipercayai dalam mendapatkan maklumat-maklumat bagi tujuan aktiviti jenayah (MAMPU, 2010). *Phishing* kebiasaannya dilakukan melalui aplikasi seperti email, sistem pesanan ringkas (SMS) mahupun laman media sosial. Penjenayah siber *phishing* menggunakan pelbagai cara seperti pujukan, memeras ugut, menggoda dan lain-lain lagi di mana matlamat

akhir bagi penjenayah adalah bagi mendapatkan sesuatu yang bersifat dan berbentuk faedah kewangan atau harta. Jenayah pemalsuan kad kredit dan kad akaun bank merupakan antara jenayah siber yang kian menjadi-jadi. Kebanyakan laporan yang diterima oleh pihak bank serta institusi-institusi kewangan pada hari ini adalah di mana kebanyakan pengguna melaporkan kehilangan wang walaupun mereka tidak melakukan pengeluaran wang tersebut pada tarikh seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun bulanan selepas disemak. Terdapat beberapa modus operandi yang digunakan oleh sindiket pemalsuan kad kredit yang berlaku di Malaysia antaranya penjenayah siber melakukan pemalsuan kad kredit di Malaysia melalui (i) Pencurian butiran maklumat akaun kad kredit, (ii) Penggunaan alat pengimbas, (iii) Memasang cip pada terminal pengesan data elektronik, (iv) Pintasan talian telefon, (v) Pakatan sulit, (vi) Emel *phishing*, (vii) Tanggapan palsu melalui telefon dan (viii) Pemalsuan kad melalui kaedah *extrapolation* dan pengklonan (Mohd Zain, 2011).

Pemindahan wang secara haram pula melibatkan pengalihan wang daripada sesebuah akaun simpanan individu atau sesebuah organisasi ke dalam akaun bank pihak lain mahupun diri individu yang melakukan tindakan tersebut (Ashriq dan Khairunnisa, 2012). Perbuatan ini juga boleh diistilahkan sebagai kecurian siber kerana ia menggunakan medium siber sebagai perantara dalam mencuri wang (Anita dan Nazura, 2004). Pemindahan wang secara haram ini bermaksud berlakunya pemindahan wang oleh orang yang tidak mempunyai kebenaran atau kuasa untuk mengakses ke dalam akaun milik perseorangan dan memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun dirinya mahupun akaun lain dan berniat untuk memiliki wang tersebut. Jenayah pemindahan wang secara haram menerusi medium elektronik yang berlaku di Malaysia dilakukan oleh individu-individu yang mempunyai akses dalam melakukan pemindahan wang tersebut. Individu tersebut menyalahgunakan kuasa dan melakukan khianat dengan memindahkan wang tersebut secara haram dan tidak sah. Jenayah berbentuk ini diklasifikasikan sebagai jenayah siber kerana menggunakan komputer mahupun sebarang peralatan elektronik dan sistem untuk melakukan jenayah ini. Tidak ada sebarang tindakan menggodam mahupun memecah masuk yang dapat dikaitkan di dalam jenayah siber berbentuk ini kerana sememangnya penjenayah berbentuk ini mempunyai akses dan maklumat untuk memasuki sistem tersebut dengan cara pemerdayaan dan kecurangan.

## **PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG BAGI KESALAHAN JENAYAH SIBER DI MALAYSIA**

Melihat kepada ancaman yang dibawa hasil daripada kemajuan teknologi dan maklumat yang melanda seluruh dunia, pelbagai negara di dalam dunia telah menggubal undang-undang siber masing-masing. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan wujudnya kawalan dan perlindungan kepada pengguna siber daripada terus menjadi mangsa jenayah siber. Malaysia juga tidak terkecuali dalam menggubal akta berkaitan dengan siber sejak awal perkembangan teknologi dan maklumat di negara ini lagi. Hal ini bagi memastikan kedaulatan undang-undang serta keharmonian di kalangan masyarakat dapat diwujudkan dan penjenayah siber tidak terlepas daripada sebarang tindakan undang-undang ke atas perbuatan menyalahgunakan kemudahan siber yang diberikan. Peruntukkan undang-undang siber tersebut antaranya adalah, (i) Akta Jenayah Komputer 1997, (ii) Akta Tandatanganan Digital 1997, (iii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan (iv) Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

Undang-undang ini digubal bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan komunikasi mengikut peredaran trend jenayah siber semasa. Saban tahun, perkembangan teknologi dan komunikasi semakin meningkat naik dengan wujudnya pelbagai perkhidmatan baharu dalam talian yang berkembang pesat. Hal ini sudah pasti mengundang kepada penyalahgunaan medium siber oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Akta dan peraturan tersebut menjadi rujukan bagi kes-kes jenayah siber yang berlaku di Malaysia yang turut dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang jenayah lain dalam mensabitkan sesebuah kesalahan di Mahkamah.

## **KEDUDUKAN ELEMEN AL-HIRZ DALAM JENAYAH SIBER**

Berdasarkan modus operandi beberapa jenayah siber kehartan yang dinyatakan, didapati kesemuanya melibatkan aspek teknikal yang sama iaitu pengambilan atau pengalihan harta atau maklumat bernilai tanpa pengetahuan pemiliknya dengan tujuan mencuri. Hal ini sudah pastinya mengundang persoalan berhubung kedudukan elemen tempat simpanan

harta terutamanya dalam format baharu secara digital. Perbincangan ini dilihat penting memandangkan kekukuhan tempat simpanan harta merupakan antara aspek utama yang dilihat bagi mensabitkan sesuatu perlakuan sebagai jenayah mencuri menurut Islam. Keraguan terhadap kualiti tempat simpanan harta secara digital ini sudah pastinya akan menyebabkan kecacatan dalam urusan pendakwaan dan pensabitan kesalahan tersebut sehingga berpotensi menggugurkan sabitan hukuman had ke atas pelakunya. Secara umumnya, terdapat empat unsur penting yang perlu dinilai dalam menentukan kedudukan tempat simpanan harta dalam jenayah siber masa kini iaitu:

### **1. Konsep Harta Digital**

Dalam membicarakan persoalan harta dan tempat simpanan secara digital ini, para fuqaha bersepakat menyerahkan penilaiannya kepada *uruf* setempat berdasarkan faktor perbezaan masa, suasana dan lokasi domestik (Fida' Fathi, t.th). Hal ini sebagaimana kaedah berikut:

لا يَنكُرُ تَغْيِيرَ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ وَالْأَمَكْنَةِ وَالْأَحْوَالِ

Terjemahan: Tidak dinafikan perubahan hukum berdasarkan perubahan masa, tempat dan suasana (Salih, 1986).

Meskipun persoalan harta siber tidak pernah dibincangkan oleh ulama terdahulu, namun bukanlah bermaksud isu ini tidak mempunyai asas penilaian hukum berdasarkan syarak. Ini bermakna setiap harta yang bernilai bagi manusia mempunyai hak perlindungan ke atasnya tanpa mengira pada medium mana harta itu berada. Kaedah fiqh ada menyatakan:

كل أصل شرعي لم يشهد له نص معين وكان ملائماً لتصرفات الشرع  
ومأخوذاً معناه من أدلته فهو صحيح بيني عليه، ويرجع إليه، إذا كان الأصل قد صار  
بمجموع أدلته مقطوعاً به

Terjemahan: Setiap asas syarak yang baginya tidak ada nas tertentu namun ia selari dengan perbuatan yang dikehendaki syarak dan maknanya juga dapat diperolehi daripada dalil-dalil syarak. Maka asas tersebut tersebut adalah sah dan boleh

dijadikan rujukan. Hal ini kerana sesuatu asas itu terbentuk dengan himpunan dalil-dalil yang pasti (al-Syatibi, 2003).

Menurut fuqaha, setiap harta yang sah dijual beli adalah tergolong sebagai harta yang bernilai (Nazura dan Jasri, 2003). Dalam era kini, harta atau data yang tersimpan secara maya (*ma'nawi*) mempunyai nilai komersil dalam masyarakat dan merupakan sesuatu yang amat berharga. Maka, pencerobohan terhadap harta bentuk ini adalah ditegah oleh syarak dan melayakkan pelakunya dihukum dengan hukuman hudud.

## **2. Pengalihan atau Pengambilan Harta**

Sebelum kesalahan jenayah hudud mencuri boleh disabitkan ke atas tertuduh, terlebih dahulu perlu dipastikan bahawa telah berlaku proses pengalihan dan pemindahan harta secara sempurna daripada kawalan pemilik harta kepada kawalan pencuri. Namun sekiranya berlaku kerosakan sewaktu proses pemindahan berlaku secara sempurna ataupun pemilik harta berjaya mendapatkan harta tersebut semula, maka sabitan hukuman hudud akan digugurkan, sebaliknya beralih kepada hukuman takzir. Selain itu, unsur kerugian yang menimpa pemilik harta akibat kehilangan harta tersebut juga melayakkan pelaku jenayah tersebut disabitkan dengan hukuman. Dalam kes jenayah siber, meskipun fizikal asal tempat simpanan harta tidak dirosakkan sebaliknya hanya data dalaman sahaja yang dialihkan secara maya, namun tujuan pengalihan harta dengan niat memilikinya tanpa kebenaran pemilik harta asal merupakan suatu bentuk jenayah meskipun menggunakan medium secara digital. Hal ini sebagaimana kaedah:

الوسائل تتبع المقاصد في أحكامها

Terjemahan: Perantaraan mengikuti hukum tujuan (al-Qarafi, 1998).

Maka, dalam isu jenayah siber ini sebarang pencerobohan harta tanpa hak ianya diharamkan oleh syarak. Maka sebarang perantaraan yang boleh membawa kepada pencerobohan tersebut adalah turut

diharamkan serta boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman jenayah sama ada hudud atau takzir sekiranya berjaya disabitkan oleh pihak pendakwa.

### **3. Pencerobohan Sistem Kawalan Keselamatan**

Para fuqaha telah menetapkan bahawa antara unsur penting dalam sabitan jenayah mencuri adalah harta tersebut diambil secara sembunyi dengan tanpa kerelaan pemilik harta. Elemen pencerobohan ini perlu dipastikan ianya dilakukan dengan niat jahat oleh pelaku. Antara dua syarat utama dalam memastikan sabitan jenayah ini boleh dilakukan adalah pertamanya tempat simpanan harta tersebut dilengkapi ciri-ciri keselamatan serta memenuhi standard minimum piawai kawalan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berautoriti. Hal ini kerana pencerobohan terhadap harta yang tidak dikawal secara rapi akan menimbulkan unsur keraguan terhadap kawalan harta sehingga memungkinkan pelakunya hanya akan dibicarakan di bawah undang-undang takzir (Nazura dan Jasri, 2003). Keduanya, pencuri tersebut perlu dipastikan tidak memiliki sebarang akses terhadap tempat simpanan harta tersebut sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Hal ini kerana pencuri yang memiliki sebarang akses terhadap tempat simpanan sesuatu harta tergolong dalam kategori jenayah khianat dan pecah amanah dan bukan jenayah mencuri. Jenayah khianat dan pecah amanah adalah tidak disabitkan dengan hukuman had sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

ليس على خائن ولا منتهب ولا مختلس قطع

Maksudnya: Tidak dipotong tangan pengkhianat, perampas dan penyeluk saku. (Hadis riwayat al-Tirmidhi)

### **4. Tiada Unsur Keraguan Munasabah**

Dalam mensabitkan sesuatu jenayah dengan hukuman had, pelbagai prosedur yang ketat perlu dilalui. Secara asasnya beban pembuktian terhadap sesuatu kesalahan itu terletak ke atas pihak pendakwa. Oleh itu mereka perlulah membuktikan bahawa pihak yang dituduh

itu benar-benar bersalah. Namun begitu, terdapat perbezaan dalam aspek tahap pembuktian antara jenayah hudud dan takzir. Bagi jenayah takzir, tahap pembuktiannya adalah lebih ringan di mana hanya disyaratkan agar unsur pembuktian tersebut sampai ke peringkat *zann al-ghalib* atau dalam bahasa perundangannya melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) (Hamid dan Maimoonah, 1993). Namun begitu bagi jenayah hudud pula, tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan sesuatu kesalahan adalah lebih berat, iaitu pihak pendakwa mestilah membuktikan kesalahan seseorang itu hingga ke peringkat *al-yaqin* ataupun disebut sebagai tanpa sebarang keraguan (*beyond any shadow of doubt*) (Abd al-Aziz, 1955). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan menerusi hadis berikut:

ادروا الحدود بالشبهات

Terjemahan: Tertolak hukuman hudud atas perkara-perkara yang ada keraguan (al-Syawkani, 2005).

Bahkan Umar al-Khattab juga pernah berkata:

لأن أعطل الحدود بالشبهات خير من أن أقيمها بالشبهات

Terjemahan: Sesungguhnya aku tidak melaksanakan hukuman hudud kerana ada keraguan adalah lebih baik dari aku melaksanakannya dengan adanya keraguan (Sadiq al-Mahdi, 1987).

Tahap pembuktian bagi jenayah hudud dilihat lebih keras kerana ia bersifat mandatori. Maka, kaedah pensabitannya ditetapkan agar lebih ketat bagi mengelakkan sebarang penganiayaan dan kesilapan sewaktu pelaksanaan hukuman. Islam bukan menekankan aspek pembalasan hukuman semata-mata bahkan turut mengambil berat aspek pendidikan terhadap penjenayah bagi memperbaiki akhlak setiap individu. Selain itu, hal ini juga bertujuan memastikan setiap individu yang terlibat samada di pihak mangsa mahupun penjenayah mendapat pembelaan sewajarnya daripada institusi kehakiman secara adil dan saksama.

## **KESIMPULAN**

Kemajuan teknologi dan maklumat yang melanda dunia dan masyarakat pada hari ini telah banyak membawa kemudahan dan manfaat kepada masyarakat khususnya pengguna siber. Namun sudah pasti dalam setiap kemajuan dan kemudahan yang dinikmati itu tidak terlepas daripada penyalahgunaan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Jenayah siber kehartaan tidak boleh dipandang remeh kerana implikasi kerugian yang dibawa oleh jenayah siber kehartaan ini amat besar nilainya. Jenayah siber kehartaan secara amnya tidak ada beza dengan jenayah kecurian yang biasa kerana ia membawa kepada kesan kehilangan dan kerugian harta akibat daripada diambil atau dialihkan tanpa kebenaran dari tempat simpanan. Kepelbagaian bentuk jenayah siber dan sering berubah mengikut peredaran zaman dan kemajuan merupakan suatu cabaran kepada pengguna siber serta agensi penguatkuasa undang-undang. Undang-undang yang digubal hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan semasa jenayah dan terkini bagi mengelakkan daripada penjenayah siber bebas daripada dikenakan sebarang tindakan di atas perlakuan jenayah. Kesedaran pengguna siber dalam menggunakan segala bentuk peralatan elektronik mahupun medium siber juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan berlakunya jenayah siber. Jenayah siber kehartaan ini mengambil kesempatan di atas sikap leka dan tidak cakna pengguna siber untuk melakukan jenayah. Ini kerana pengguna siber dilihat sering tidak peka kepada aspek keselamatan simpanan harta mereka dalam bentuk siber. Tidak mustahil akan berlaku peningkatan kes jenayah siber kehartaan di samping muncul bentuk-bentuk baru jenayah siber kehartaan kerana teknologi dan maklumat sentiasa berkembang pesat dan sentiasa mengalami perubahan.

Islam telah menyediakan suatu aturan kehidupan yang cukup sistematik dan komprehensif yang bukan sahaja membabitkan hubungan di antara makhluk dan pencipta bahkan turut melibatkan tatacara kehidupan sesama manusia. Penetapan sabitan dan hukuman bagi perbuatan jenayah adalah bertujuan memelihara hak dan kepentingan setiap manusia daripada dicerobohi dan tidak sewajarnya dinilai sebagai suatu bentuk kezaliman semata-mata. Hal ini kerana objektif utama penetapan hukuman dalam Islam adalah memberikan kesedaran dan pengajaran dan bukannya balasan perbuatan semata-mata. Dalam hal pensabitan hukuman bagi jenayah mencuri, objektif utama pelaksanaan hukuman tersebut adalah bertujuan

memelihara hak kehartaan sesama manusia. Namun begitu, pensabitan tersebut bukan dilaksanakan secara mudah sebaliknya perlu melalui prosedur pembuktian dan pendakwaan yang ketat dalam memastikan tiada pihak yang boleh dianiayai menerusi pensabitan tersebut. Selain itu, penerimaan beberapa kaedah semasa seperti penglibatan pakar juga membuktikan Islam merupakan agama yang bersifat fleksibel dan realistik dengan perubahan masa dan suasana terutamanya membabitkan hubungan sesama manusia.

## **RUJUKAN**

- 'Abd al-'Aziz 'Amir (1985). *al-Ta'zir fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- 'Abd al-Aziz Khayyat (1999). *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Qahirah: Dar al-Salam.
- 'Abd al-Qadir 'Awdah (t.th). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Waq'i*. Beirut: Dar al-Katib al-Arabi.
- Abu Bakar Munir (1999). *Cyber Law Policies and Challenges*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia.
- al-'Awwa', Muhammad Salim (1983). *Fi Usul al-Nizam al-Jina'i al-Islam*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Ansari, Zakariya bin Muhammad (2015). *Asna al-Matalib fi Syarh Raudah al-Talib*. Qahirah: al-Matba'ah al-Maymaniyyah.
- al-Astrusyani, Muhammad bin Maḥmud (t.th). *al-Fusul*. Mesir: al-Maktabah al-Markaziyyah bi Masjid al-Sayyidah Zaynab.
- al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad (2002). *Mawsu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Riyad: Maktabah al-Tawbah.
- al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud (2003). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad bin Habib (1994). *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris (1998). *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sadlan, Salih bin Ghanim (1986) *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Riyadh: Dar al-Balansiyah.
- al-Shabl, 'Abd al-Aziz bin Ibrahim (2012). *al-I'tida' al-Ilkturuni*. Riyadh: Dar Kunuz Isybiliya.
- al-Sharbini, Muhammad bin Khatib (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dār Ma'rifah.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad (2003). *al-Muwafaqat* (Qahirah: Dar Ibn 'Affan.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad (2005). *Nayl al-Awtar min Asrar Muntaqa al-Akhbar*. Riyadh: Dar Ibn Qayyim.
- al-Zuhayli, Wahbah (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2003). "Theft of Information: Possible Solutions Under Malaysian Law", *Malaysia Law Journal* 3.
- Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2004). *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong & Mohamad Akmal Mohamad (2015). Intipan Siber: Jenayah Baru Dalam Masyarakat Kontemporari, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11.
- Atul Jain (2005). *Cyber Crime : Issues and Threats*. Delhi : Isha Books.

- Fida' Fathi Shatnawi (t.th). *al-Tatbiqat al-Mu'asarah li Syart al-Hirz fi al-Sariqah*. t.tp: t.p.
- Gita Radhakrishna (2008). *Internet Banking In Malaysia (Part 2) : The Incidence of Fraud and its Prosecution*. Kuala Lumpur: The Law Review.
- Hamid Ibrahim dan Maimoonah Hamid (1993). *Law of Evidence*. Kuala Lumpur: Central Law Book Corporation.
- Ibn al-Hummam, Kamal al-Din (2003). *Syarh Fath al-Qadir 'ala al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad (1997). *al-Mughni*. Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Maskun (2014). *Kejahatan Siber: Suatu Pengantar*. Jakarta: Kencana.
- Mohamad Zaki Ibrahim (2008). "Jenayah Komputer dan Jenayah Siber: Menangani Ancaman" dalam *Transformasi Masyarakat: Cabaran Keluarga, Gender dan Sosiobudaya* ed. Rahman Abdul Aziz. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamed, D (2012). "Investigating Cybercrimes Under the Malaysian Cyberlaws and the Criminal Procedure Code: Issues and Challenges. *Malaysian Law Journal*, 6.
- Muhammad Abu Zuhrah (1998). *al-Jarimah wa al-'Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar Fikr al-'Arabi.
- Mursilalaili Mustapa Sa'di (2006). *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam*. (Tesis, Fakulti Pengajian Islam UKM).
- Nazura Abdul Manap dan Jasri Jamal (2003), "Jenayah Komputer : Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-Undang Jenayah Islam, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 7.

- Nazura Abdul Manap, Anita Abdul Rahim dan Hossein Taji (2015), "Cyberspace Identity Theft: An Overview" *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6/4.
- Nuraizah Abdul Hamid (2017). "Undang-Undang Siber: Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Jenayah Komputer 1997". (Makalah, Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik, Kuala Lumpur, 18-19 Disember 2017).
- Sadiq al-Mahdi (1987). *al-'Uqubat al-Syar'iyah wa Mauqifuhāa fi al-Nizam al-Ijtima'i al-Islami*. Qahirah: al-Zahra' li al-I'lam al-'Arabi.
- Sahizan Sagi (2015). *Awat! Jenayah Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Suhor (2016). *Jenayah dan Kanun Keseksaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tamrin Amboala dan Ainnur Hafizah Anuar Mokhtar (2015), "Undang-Undang Siber Dari Perspektif Islam", *Jurnal Teknologi* 72/1.
- Ashriq Fahmy Ahmad dan Khairunnisa Sulaiman, "Ancaman Jenayah Siber", laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 16 April 2012, [http://utusan.com.my/info.asp\\_Malaysia&sec=Sains\\_%26\\_Teknologi](http://utusan.com.my/info.asp_Malaysia&sec=Sains_%26_Teknologi).
- Hisyamuddin Ayub, "Sindiket Curi Data Palsukan Kad Kredit", laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 3 Februari 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sindiket-curi-data-8232-palsukan-kad-kredit-1.55439>.
- Mohd Helmi bin Saadin, "Sindiket Pemalsuan Kad Kredit/ATM Tumpas", laman sesawang *Polis DiRaja Malaysia*, dicapai 15 Julai 2015, <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/12/sindiket-pemalsuan-kad-kredit-atm-tumpas>.
- Mustapa Lakawa dan Sairul Zamri Misrani, "Godam Pakai Perisian Pasaran Gelap", laman sesawang *Kosmo*, dicapai 17 Disember 2016, <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content>.

Siti Norhawa Mohd. Ali, “6,800 Kes Jenayah Siber Di Malaysia Boleh Mengancam Ekonomi Negara”, laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 8 September 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/6-800-kes-jenayah-siber-di-malaysia-1.132952>

